

**MISI JELAJAH AKADEMIK: FKMP UTHM TURUN PADANG BANTU PELAJAR DIPLOMA DAN ASASI TVET RANCANG MASA DEPAN**

**27 April 2026 | FKMP@UTHM**





Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus memperkasakan peranannya sebagai peneraju pendidikan teknikal dengan melancarkan siri kempen promosi besar-besaran di seluruh negara. Inisiatif strategik yang **berlangsung dari bulan April sehingga pertengahan Mei 2026** ini dilaksanakan selaras dengan tempoh kritikal pengisian serta kemas kini borang UPU, dengan fokus utama diberikan kepada para pelajar lepasan Diploma dan Asasi TVET bagi memastikan mereka mendapat bimbingan tepat untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda.

Menurut Dekan FKMP, Prof. Ts. Dr. Amir bin Khalid, penglibatan aktif staf fakulti dalam siri promosi ini adalah selaras dengan aspirasi pembangunan modal insan berkemahiran negara. Beliau menegaskan bahawa pencerahan mengenai laluan pengajian TVET amat penting bagi memastikan kelestarian bekalan tenaga pakar dalam bidang kejuruteraan.

Program yang dijalankan secara hibrid ini telah diselenggarakan oleh Dr. Mohd Yussni bin Hashim selaku Penyelaras Jawatankuasa Promosi FKMP. Beliau bertanggungjawab memastikan setiap sesi pencerahan—sama ada melalui jelajah fizikal mahupun webinar—memenuhi objektif strategik fakulti dalam menarik minat graduan terbaik daripada institusi teknikal.

Sepanjang bulan April 2026 sehingga pertengahan Mei 2026, pasukan promosi FKMP dijadualkan mengadakan siri jelajah fizikal ke pelbagai lokasi termasuk Politeknik Melimau (Melaka), Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (Pagoh), Politeknik Banting (Selangor), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Kuantan), dan Politeknik Ibrahim Sultan (Pasar Gudang). Selain sesi bersemuka, fakulti juga aktif menjalankan sesi webinar seperti program *CeDS Career Jump Start 2026* yang berjaya menarik penyertaan ramai pelajar diploma secara atas talian.

Kehadiran barisan kepimpinan fakulti seperti Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Hj. Saifulnizan bin Jamian (Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal), Dr. Kamaruddin bin Kamdani (Ketua Jabatan Kejuruteraan Pembuatan), Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Fadhi bin Zulkafli (Ketua

Jabatan Kejuruteraan Aeronautik), dan Ts. Dr. Zuliazura binti Mohd Salleh (Ketua Jabatan Teknologi Mekanikal) membuktikan kesungguhan fakulti dalam menyantuni bakal pelajar.

Antara enam (6) program perdana berimpak tinggi yang ditawarkan merangkumi:

- **Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian (BDD).**
- **Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian (BDC).**
- **Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat) dengan Kepujian (BDM).**
- **Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian (BDX).**
- **Sarjana Muda Teknologi Operasi Loji Minyak dan Gas dengan Kepujian (BDG).**
- **Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian (BDJ).**

FKMP bukan sekadar sebuah tempat pengajian, malah ia adalah sebuah ekosistem inovasi yang sentiasa menanti kehadiran anda semua. Kami sangat mengalu-alukan para graduan Diploma dan Asasi TVET untuk melangkah ke fasa seterusnya di menara gading. Kami di sini komited untuk membentuk anda menjadi jurutera dan pakar teknologi yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri global.

Inilah masa yang tepat untuk anda memilih destinasi pendidikan yang mampu mencorak masa depan yang gemilang. Jangan ragu-ragu untuk menjadikan FKMP UTHM sebagai pilihan utama dalam permohonan UPU anda. Kami sentiasa menanti kehadiran bakal-bakal jurutera masa depan untuk bersama-sama mencipta sejarah kejayaan di sini.

Laporan disediakan :

Dr Mohd Yussni Hashim

Penyelaras Jawatankuasa Promosi FKMP